



LUMBA-LUMBA yang tersadi di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu berjaya diselamatkan pelajar Universiti Malaysia Sabah.

BIT 08/02/2012 829

## Pembalakan haram paya bakau punca spesies pupus

**P**ENEBANGAN bakau dan penambakan kawasan paya bakau di kawasan Teluk Cowie, Tawau, Sabah, boleh menyebabkan kepupusan mamalia marin terutama lumba-lumba Irrawaddy, yang menjadikan kawasan berkenaan sebagai habitat semula jadi pembiakan ikan yang turut menjadi rantai makanan mama-

lia itu. Paya bakau yang meliputi spesies seperti Api-api (*Avicennia spp*), Kurap (*Rizophora spp*), Perepat (*Sonneratia spp*) dan Berus (*Bruguiera spp*) adalah habitat semula jadi ikan yang menjadi sumber makanan utama mamalia berkenaan.

Teluk Cowie dianggarkan menjadi habitat 20 hingga 30 lumba-lumba Irrawaddy yang sesuai tinggal di kawasan semula jadi serta menjauhi lokasi yang tercemar menyebabkannya berhijrah ke destinasi lain yang lebih selamat.

Pensyarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Muhammad Ali Syed Hus-

sein, berkata kegiatan penebangan dan penambakan paya bakau di kawasan habitat semula jadi mamalia terbabit seharusnya dihentikan segera bagi memastikan Sabah tidak kehilangan hidupan marin yang unik itu.

**Kegiatan penebangan dan penambakan paya bakau di kawasan habitat semula jadi mamalia terbabit seharusnya dihentikan segera bagi memastikan Sabah tidak kehilangan hidupan marin yang unik itu**

**Muhammad Ali Syed Hussein**  
Pensyarah Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS

marin yang unik itu.

"Keadaan bertambah rumit apabila pembalakan haram serta kegiatan pererokaan tanah untuk penanaman kelapa sawit di Hulu Kalabakan, Tawau turut mencemarkan perairan Teluk Cowie yang lama kelamaan menyebabkan lumba-lumba Irrawaddy berhijrah ke kawasan lain," katanya kepada *Berita Harian* di IPMB UMS, di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Dalam pada itu, spesies lumba-lumba di perairan lain seperti Kota Kinabalu, Lawas (Sarawak) dan Teluk Brunei (Labuan) turut berhadapan kepupusan akibat pencemaran laut, kemusnahan terumbu karang dan pengeboman ikan.

Muhammad Ali berkata, terumbu karang adalah habitat semula jadi ikan yang menjadi makanan lumba-lumba serta pencemaran laut menyebabkan mamalia itu berhijrah ke kawasan lebih selamat.


Beliau berkata, kajian saintifik men-

dapat fenomena berkenaan menyebabkan perut ikan dicemari bahan kimia dan logam berat yang boleh menyebabkan kematian lumba-lumba kerana bahan itu yang terkumpul dalam badan menyebabkannya menghadapi kerosakan saraf, lemah dan sukar bernafas.

"Terumbu karang kaya dengan hidupan laut termasuk telur ikan yang menjadi rantaian makanan lumba-lumba serta kemusnahannya menimbulkan masalah besar dan konflik kepada hidupan marin yang dilindungi itu," katanya.

Dalam pada itu, pelajar Ijazah Sarjana di IPMB UMS, Asmizah Ismail berkata, kajiannya mendapati kandungan asid dalam air di Hulu Kalabakan, Tawau meningkat yang boleh menjelaskan kehilangan lumba-lumba.

Katanya, kandungan asid dalam air meningkat dan organik tinggi boleh menjelaskan keseimbangan ekologi manakala oksigen tidak terurai boleh menyebabkan kematian mamalia berkenaan.



MUHAMMAD Ali memberi penerangan mengenai spesies lumba-lumba di Sabah di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.